



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RESIDENSI WILAYAH
RESIDENSI DESA SATUMAS**

**TAMAN DESA, SEPUTEH
WP KUALA LUMPUR**

**22 OKTOBER 2021 (JUMAAT)
JAM 10.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera**

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn. Bhd. dan Sinerjuta Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis penyerahan kunci Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, Residensi Desa Satumas pada Jumaat yang mulia ini.

2. Untuk makluman, Residensi Wilayah telah dijenamakan sebagai Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) bermula pada 11 Oktober 2021. Keputusan ini selari dengan konsep 'Keluarga Malaysia' yang menekankan kepentingan keluarga sebagai institusi terkecil terpenting dalam membina masyarakat. Penjenamaan ini menggambarkan kepentingan pemilikan sebuah kediaman yang selesa dalam pembentukan kesejahteraan sesebuah keluarga.

2. Alhamdulillah, kita dapat menganjurkan majlis yang penuh bermakna ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang kini telah beralih ke Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4. Suka untuk saya ingatkan kepada saudara dan saudari sekalian sepanjang kita menghadiri majlis ini, janganlah kita lupa untuk sama-sama mematuhi prosedur operasi standard (SOP) supaya kita dapat mengawal penularan pandemik COVID-19 ini.

3. Program Residensi Wilayah Keluarga Malaysia ini adalah bertujuan untuk merealisasikan impian warga Kuala Lumpur untuk memiliki kediaman sendiri pada harga mampu milik terutama sekali bagi pembeli golongan berpendapatan sederhana rendah, M40.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

5. Residensi Desa Satumas dibina di atas tanah berkeluasan 3.58 ekar dan menawarkan sebanyak tiga (3) blok bangunan berketinggian 43 tingkat sebanyak 1,346 unit kediaman pada harga RM230,000. Setiap unit mempunyai tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air dengan

keluasan 850 kaki persegi dan satu (1) petak tempat letak kereta berbumbung.

6. Residensi Desa Satumas juga menawarkan pelbagai kemudahan untuk penduduk seperti kolam renang, ruang taska, tempat rekreasi dan bilik permainan, ruang kedai, dewan serbaguna dan surau. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, penduduk dapat menjalankan aktiviti bersama keluarga dan juga jiran tetangga di dalam kawasan Residensi Desa Satumas sendiri dengan harmoni.

7. Residensi Desa Satumas juga terletak di lokasi dan kedudukan yang strategik dan mempunyai akses mudah dengan beberapa lebuh raya dan jalan utama ke tempat-tempat seperti Mid Valley Megamall (5km), Bangsar (7km), Kuala Lumpur (8km) dan Damansara (11km). Ini dapat memudahkan para penduduk untuk menjalankan urusan kerja serta memenuhi keperluan harian mereka.

8. Aset Kayamas telah pun siap membina dan menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 10,975 unit

Residensi Wilayah Keluarga Malaysia dan terbaharu sekali adalah Residensi Razakmas 2 yang telah diserahkan kunci pada bulan Mac 2021. Saya dimaklumkan bahawa Residensi Desa Satumas ini merupakan projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang lima belas (ke-15) telah berjaya disiapkan oleh Aset Kayamas.

9. Kerajaan menyambut baik dan amat berterima kasih kerana pihak Pemaju berjaya menyediakan rumah mampu milik Residensi Wilayah Keluarga Malaysia ini. Oleh itu, saya amatlah menghargai komitmen dan dedikasi pemaju dalam usahasama menjayakan program ini dan membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk warga kota khususnya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

11. Untuk makluman semua, status pelaksanaan Residensi Wilayah Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan sehingga 30 September 2021, sebanyak 62,701 unit rumah yang melibatkan 100 projek telah

mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93 buah projek adalah di Kuala Lumpur, 3 projek di Putrajaya dan 4 projek di Labuan.

12. Kerajaan akan sentiasa melakukan penambahbaikan yang positif dalam memastikan kediaman yang ditawarkan adalah memenuhi keperluan semasa rakyat dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai.

13. Sehingga kini masih banyak lagi unit-unit rumah Residensi Wilayah Keluarga Malaysia yang masih dibuka untuk jualan dan boleh dipohon melalui portal rasmi Residensi Wilayah Keluarga Malaysia.

14. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan bagi projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Penyediaan rumah Residensi Wilayah Keluarga Malaysia ini adalah memfokuskan kepada kumpulan sasaran yang memerlukan terutamanya golongan yang

belum memiliki rumah lagi di Wilayah Persekutuan.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ucapkan sekalung tahniah kepada Aset Kayamas Sdn Bhd, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan semua pihak yang terlibat atas usaha yang digembleng secara bersama dalam menjayakan projek pembangunan Residensi Desa Satumas ini.

16. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Desa Satumas.

17. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.